

26 NOV 2002

Mahathir-Penerbangan/I

PENERBANGAN TERUS MENERUS LONDON-KL OLEH JET EKSEKUTIF PM

SUBANG, 26 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyatakan rasa puas hati beliau dengan prestasi Jet Eksekutif Global Express yang terbang selama 13 jam terus menerus dari London ke Kuala Lumpur.

"Ia penerbangan yang selesa. Kami elakkan Turki, Iraq dan terbang merentasi Iran," kata beliau dalam persidangan berita sekembalinya ke tanahair selepas menghadiri persidangan mengenai pembangunan semula Lubnan di Paris.

Kapalterbang itu mendarat semasa hujan di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini selepas penerbangan tanpa henti itu dengan masih tinggal bahan api selepas sampai di destinasi. Turut hadir untuk menyambut beliau ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri-menteri Kabinet dan para penyokong Barisan Nasional (BN).

Dr Mahathir juga ditanya mengenai isu yang dibangkitkan oleh pembangkang di Dewan Rakyat sama ada penggunaan kapal terbang itu adalah wajar.

Perdana Menteri berkata beliau juga boleh menggunakan penerbangan komersil tetapi ia akan mengambil masa yang lama dan banyak masa terbazir.

Dr Mahathir berkata, sebagai contoh mereka yang mahu menggunakan penerbangan komersil ke Afrika, mula-mula perlu terbang ke Eropah sebelum menaiki penerbangan, misalan ke Capetown.

"Oleh kerana ketiadaan penerbangan kerap, saya terpaksa mengambil cuti yang lebih lama jika menggunakan penerbangan komersil. Tetapi dengan jet eksklusif ini, kita boleh pergi dan pulang dengan lebih cepat.

"Jadi saya tak cuti. Saya pergi dan balik buat kerja supaya orang tak kata saya makan duit buta," katanya.

-- BERNAMA

SHO MAM PR